

# Pantau ulama luar, sekolah agama

## ALOR SETAR

Penceramah atau ulama dari luar negara yang dijemput menjayakan program-program keagamaan di negara ini perlu dirujuk kepada Jabatan Agama Islam negeri bagi memastikan tokoh terbabit adalah kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ini bagi mengelak negara dibanjiri ulama atau tokoh agama berfahaman selain daripada Sunnah Wal Jamaah, seperti Syiah, tarekat yang disahkan sesat menular ke negara ini.

Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Negeri Kedah, Profesor Madya Dr Abd Aziz Hanafi berkata, ini penting kerana masyarakat Islam negara ini perlu dilindungi daripada anasir atau cubaan pihak-pihak tertentu membawa fahaman luar ke negara ini.

"Pada masa depan, kita perlu lebih tegas. Kita tidak mahu program seperti majlis bersama Shaykh Muhammad Hisham Kabbani, yang diketahui sebagai pengikut Syeikh Nazim Al-Haqqani, yang mengamalkan ajaran tarekat Naqsyabandiah Al-Aliyyah, yang diharamkan Majlis Fatwa Kebangsaan, berulang lagi," katanya.



ABD AZIZ

Menurutnya, mana-mana penganjur perlu mendapatkan kelulusan atau kebenaran bertulis daripada Jabatan Agama Negeri, sebelum membuat hebahan program.

"Lebih elok rujuk sebelum hebahkan, kerana kita perlu selidiki latar belakang dan fahaman penceramah itu, untuk elak perkara seperti itu berlaku lagi. Ini kerana ulama luar negara ada yang tidak se-

pendapat dan mengamalkan fahaman atau tarekat yang berbeza dengan negara kita," katanya.

Abd Aziz yang juga Pensyarah Kanan Kuliyyah Syariah Kolej Universiti Insaniah (Kuin) turut mencadangkan agar sekolah agama milik persendirian terutamanya, perlu dipantau kerana dibimbangi cenderung kepada mana-mana pemimpin luar negara yang tidak sehaluan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pegangan negara ini.

"Kita wajar pantau dari awal untuk mengelak mana-mana tarekat yang disahkan sesat berkembang di negara ini. Jika tidak dikawal, bimbang pengikut mereka akan bertambah dalam diam," katanya.